

# Sembahyang bentuk sifat tabah

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Dk. Nur Hafilah  
Pg. Osman

**TUNGKU LINK**, Sabtu, 6 April. - Sembahyang merupakan ibadat paling utama, manakala taqwa adalah ciri yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru itu, sebagai umat Islam, kita perlu taat kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan menjalankan kewajipan sebagai hamba-Nya dengan penuh ikhlas bagi mendapatkan ganjaran di dunia mahupun di akhirat.

Penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dr. Andas Haji Ismuhadi bin Abdullah menekankan demikian dalam Ceramahnya, bertajuk 'Sembahyang Meningkatkan Prestasi Kerja dan Akademik' pada Majlis Bicara Ulum Addin sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1440 Hijrah / 2019 Masihi di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Menurutnya lagi, sembahyang mampu memberikan banyak kelebihan kepada umat Islam, antaranya membentuk sifat tabah dalam diri umat manusia bagi menghadapi sebarang ujian.

Hadir selaku tetamu kehormat,



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bicara Ulum Addin sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1440 Hijrah / 2019 Masihi, UBD (kiri), sementara gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Bicara Ulum Addin berkenaan.

Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Bersesuaian dengan tema Majlis Israk dan Mikraj Peringkat Negara tahun ini, iaitu 'Sembahyang Membentuk Umat Bertaqwa', majlis itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah.

Majlis anjuran Pihak Jawatankuasa Keagamaan UBD bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD dan Persatuan Mahasiswa-Mahasiswa UBD (PMUBD), bertujuan untuk memperingati dan menghayati hikmah yang dapat dipelajari daripada peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



## AIUA terima lima ahli baharu



TIMBALAN Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad mewakili Rektor UNISSA semasa Mesyuarat Ke-10 Asian Islamic Universities Association (AIUA), berlangsung di Institut Agama Islam Negeri Bengkulu (IAIN Bengkulu), Jalan Raden Patah, Kelurahan Pagar Dewa, Selebar, Kota Bengkulu, Bengkulu, Indonesia.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini menghadiri Mesyuarat Ke-10 Asian Islamic Universities Association (AIUA), berlangsung di Institut Agama Islam Negeri Bengkulu (IAIN Bengkulu), Jalan Raden Patah, Kelurahan Pagar Dewa, Selebar, Kota Bengkulu, Bengkulu, Indonesia.

Siaran Akhbar UNISSA menyatakan, mesyuarat yang diselenggarakan oleh IAIN Bengkulu, Indonesia itu dihadiri oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad bagi mewakili Rektor UNISSA.

Sebanyak lima buah institusi pengajian tinggi diterima menjadi

ahli baharu persatuan semasa Mesyuarat AIUA Ke-10 kali ini, termasuk Mindanao State University (MSU) dari Filipina; Islamic University of Maldives (IUM), Republik Maldives; Institut Agama Islam Negeri Metro atau IAIN Metro, Lampung; dan Universitas Islam Negeri Ar-Raniry (UIN Ar-Raniry), Banda Aceh.

Sejak penubuhannya pada bulan April 2015 sehingga kini, AIUA mempunyai 73 ahli yang mewakili institusi pengajian tinggi dari Brunei, Filipina, Indonesia, Malaysia, Maldives dan Thailand. Mesyuarat AIUA seterusnya, yang merupakan Mesyuarat Agung setiap dua tahun sekali dijadualkan akan diselenggarakan oleh Kolej Islam Teknologi

Antarabangsa (KITAB), Pulau Pinang pada bulan November 2019 akan datang.

Mesyuarat Agung tersebut akan menyaksikan pemilihan pelantikan Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari dan Ahli-ahli Eksekutif baharu AIUA bagi Tahun 2019 hingga 2021.

UNISSA ketika ini merupakan Bendahari AIUA setelah dilantik buat kali kedua bagi Tahun 2017 hingga 2019.

Semasa berada di Bengkulu, Timbalan Rektor UNISSA juga diundang selaku salah seorang Penceramah Jemputan dalam Seminar Internasional dengan tema 'Peranan, Tantangan & Prospek Pendidikan Bahasa Arab di Era Globalisasi', anjuran Fakultas Tarbiyah dan Tadris (FTT); dan Fakultas Ushuluddin, Adab dan Dakwah (FUAD), IAIN Bengkulu.

## Bantu kesan Nurjanah

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai bagi mengesan seorang pekerja asing yang dipercayai melarikan diri daripada majikan.

Pekerja merupakan seorang warganegara Indonesia, Nurjanah, berusia 24 tahun dengan Nombor Pasport B9536020.

Jika sesiapa mempunyai sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Seria melalui talian telefon +673 3222612 atau Talian Kecemasan 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.



NURJANAH, berusia 24 tahun dengan Nombor Pasport B9536020, seorang warganegara Indonesia yang dipercayai melarikan diri daripada majikan.

## Dalami ilmu sembahyang

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BERAKAS**, Sabtu, 6 April. - Bagi sama-sama memeriahkan Sambutan Israk Mikraj Tahun 1440 Hijrah bersamaan 2019 Masihi, Ahli Jawatankuasa Takmir Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) buat julung kalinya menganjurkan Ceramah Israk Mikraj bertema 'Sembahyang Membentuk Umat Bertaqwa'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di surau maktab berkenaan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok.

Majlis diserikan dengan Ceramah Israk Mikraj disampaikan oleh Pegawai Buhuth dari Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, Awangku Muhd. Wafiuddin bin Pengiran Haji Zulkarnain.

Antara tujuan majlis diadakan adalah untuk mengimarahkan Surau MTSSR dengan mengalu-alukan kehadiran lebih ramai jemaah, di samping untuk memenuhi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Di samping mengembangkan syiar Islam di negara ini melalui aktiviti-aktiviti Takmir Masjid dan Surau, majlis juga dihasratkan untuk lebih mendalami ilmu sembahyang, kerana ia adalah tiang agama dan asas kehidupan sebagai orang Islam, di samping menjadikan diri sebagai hamba Allah yang taat kepada perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.